

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**HKT 121 – Teori dan Kritikan Sastera**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan : **SATU** soalan dari setiap Bahagian A, B, C, dan D.

Bahagian A

1. Sejauhmanakah kebenaran premis-premis berikut dapat membentuk teori kesusasteraan? Berikan alasan-alasan yang munasabah.
  - [i] kesusasteraan adalah segala yang bercetak.
  - [ii] kesusasteraan adalah seni yang menggunakan bahasa.
  - [iii] kesusasteraan terhad kepada karya-karya agung.
  - [iv] kesusasteraan adalah seni yang berstruktur.
  
2. Jelaskan erti teori sastera dan huraikan unsur-unsur penting dalam pembinaan teori sastera seperti yang dikemukakan oleh M.H. Abrams. Kemudian bincangkan hubungan antara unsur-unsur itu dengan pendekatan-pendekatan dalam kritikan sastera.

...2/-

### Bahagian B

3. Huraikan persamaan dan perbezaan antara teori resepsi oleh Wolfgang Iser dan Hans Robert Jauss. Kemudian bincangkan unsur-unsur berikut; ruang-ruang kosong (*spots of indeterminacy*), konkritasi (*concretization*), psikologi *Gestalt* dan cakrawala harapan (*horizon of expectation*).
4. Jelaskan secara kritis kedudukan teori dalam kritikan konvensional dan pascamoden. Pada pandangan anda adakah teori yang difahami kini telah membawa kepada peningkatan martabat sastera? Hujah-hujah anda mesti disertai dengan contoh-contoh yang sesuai.

### Bahagian C

5. Merujuk kepada novelet **A4** karya Mussidi, bincangkan persoalan ekologi, etika, bahasa dan kritikan.
6. Azizi Haji Abdullah dalam novelnya yang berjudul **Kawin-Kawin** menjadikan perumpamaan sebagai satu gaya bahasanya. Bincangkan bagaimana gaya bahasa ini dapat membina perwatakan watak Malang.

### Bahagian D

7. Merujuk kepada novel **Putera Gunung Tahan** karya Ishak Haji Muhammad, bincangkan gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menyerang wacana kolonial.
8. **Ombak Bukan Biru** karya Fatimah Busu merakamkan persoalan tentang wanita. Bincangkan sejauhmanakah watak wanita dalam novel ini menentang ketentuan budaya dalam membentuk identitinya?